

18/06/2001

Rakyat mesti peka ancaman globalisasi

IPOH, Ahad - Rakyat negara ini terutama penduduk luar bandar perlu mengambil tahu proses globalisasi yang boleh merosakkan sesetengah negara membangun sekiranya tidak ditangani dengan bijak.

Pengerusi Kesatuan Parlimen Antarabangsa (KPA) Kawasan Asia Pasifik, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah, berkata proses globalisasi sedang bergerak secara halus untuk meruntuhkan sebahagian besar negara membangun.

Beliau berkata, negara maju menggunakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk meminta KPA membuat satu resolusi menyokong perjuangan mereka menegakkan proses globalisasi yang menguntungkan negara Barat.

Katanya, WTO mahu mengamalkan perdagangan bebas tanpa sempadan, terutama di Asia.

"Cara ini dapat meluaskan penguasaan lagi ekonomi negara maju terhadap negara sedang membangun.

"Mereka mahu menghapuskan sistem insentif industri negara maju kepada negara membangun dan import barangan negara luar supaya dagangan dapat bersaing secara bebas tanpa sekatan," katanya ketika merasmikan Seminar Kepimpinan Aset Kecemerlangan di Kem Rekreasi Kampung Raja Intan Suraya dekat Sungai Siput di sini, hari ini.

Seminar anjuran Biro Pendidikan dan Agama, Kesatuan Pekerja-Pekerja Awam Angkatan Tentera Malaysia (Kesatria) Daerah Kinta dihadiri 60 peserta.

Ahmad Husni yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, barangan yang masuk ke negara ini tanpa dikenakan cukai import akan menyebabkan harga jualan mereka lebih rendah berbanding keluaran tempatan.

Beliau berkata, keadaan ini menyebabkan barangan negara membangun tidak mampu bersaing di pasaran yang menyebabkan keadaan ekonomi rakyatnya akan mundur.

"Dalam persidangan KPA di Geneva baru-baru ini, kebanyakan negara membangun tidak bersetuju cadangan WTO menyokong kaedah dagangan negara maju.

"Kebanyakan mereka meminta WTO tidak dipengaruhi negara maju memeralatkan pertubuhan berkenaan menyokong usaha negara maju menghancurkan negara membangun," katanya.

Ahmad Husni berkata kebanyakan orang menganggap masalah itu patut difikirkan pihak kerajaan sahaja sedangkan semua pihak tidak mahu mengambil tahu langsung perkara sedemikian.

Beliau berkata setakat ini negara maju di Barat menguasai 80 peratus ekonomi dan dagangan dunia.

Bagaimanapun, katanya, usaha mereka kurang berkesan di kawasan Asia berikutan beberapa pemimpin negara membangun berkenaan berjaya menyatukan pemikiran masing-masing yang menolak kaedah negara maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed adalah antara pemimpin Asia yang bertanggungjawab terhadap penyatuan itu.

Ahmad Husni berkata selain dalam bidang ekonomi, negara maju cuba menghancurkan sistem politik di negara Asia, terutama di Thailand, Indonesia dan Filipina.

(END)